

F R A G M E N



MAJLIS
BANDARAYA
SHAH ALAM

EDISI 1



**MBSA
2020**

DASARKhidmat
Terbaik**VISI**Menjadi Shah Alam
Bandar Raya Yang
Berkualiti, Sejahtera,
Kondusif Dan Terunggul.**MISI**Meningkatkan Tadbir
Urus MBSA Sebagai
Organisasi Yang Efisien,
Efektif, Kompeten,
Dinamis dan Terus
Cemerlang.

PENGENALAN

FRAGMEN merupakan buku kompilasi program-program anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sepanjang tahun 2020. Saban tahun, pelbagai aktiviti berbentuk komuniti, inisiatif hijau, kesenian dan kebudayaan, sukan kunjungan delegasi dari luar negara dan pelbagai lagi sering menjadi fokus kepada pihak MBSA dalam penganjuran program tahunannya.

OBJEKTIF

1. Sebagai arkib/rekod penyimpanan koleksi acara atau aktiviti anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).
2. Memberikan informasi berkenaan perkhidmatan sedia ada dan terbaru yang disediakan oleh pihak MBSA.
3. Memberi makluman berkenaan penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima oleh pihak MBSA.
4. Memberi makluman tentang penganjuran program-program komuniti, kesukanan, kerohanian, program gotong-royong serta Program Hari Bertemu Pelanggan.
5. Mengetengahkan pelaksanaan operasi seperti Operasi Bersepadu Kebersihan Premis Makanan, Operasi Cukai Taksiran, Operasi Sitaan dan Operasi Tanjakan.

**DASAR**Khidmat
Terbaik**VISI**Menjadi Shah Alam
Bandar Raya Yang
Berkualiti, Sejahtera,
Kondusif Dan Terunggul.**MISI**Meningkatkan Tadbir
Urus MBSA Sebagai
Organisasi Yang Efisien,
Efektif, Kompeten,
Dinamis dan Terus
Cemerlang.

KANDUNGAN

JAN

BENGKEL 'FOCUS GROUP OF DISCUSSION' (FGD)	5
MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN SLOGAN ULANG TAHUN KE-20 SHAH ALAM SEBAGAI BANDAR RAYA	8
BENGKEL PENGURUSAN ADUAN AWAM MBSA	11
PROGRAM BICARA SANTAI	14
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MBSA	17
LAWATAN TURUN PADANG AHLI PARLIMEN SHAH ALAM	20
LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR KE BULATAN BESTARI, SEKSYEN 2	23
MESYUARAT SELANGOR JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI	26
LAWATAN KERJA DARI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	28
LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR MEMANTAU KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD	31
LAWATAN DARI MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	33
SESI TEMUBUAL RTM BERSAMA DATUK BANDAR SHAH ALAM	35
LAWATAN TAPAK DATUK BANDAR KE TAMAN PERSAHABATAN SELANGOR-JEPUN	37
PROGRAM KULIAH MAGHRIB	40
OPERASI KENDERAAN BERAT	43
OPERASI TANJAKAN	46

KANDUNGAN

MAJLIS SERAHAN BENDERA KEPADA DELEGASI MBSA KE WUF10 ABU DHABI 2020	50
WUF10 ABU DHABI 2020	53
LAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE MBSA	56
AUDIT PEMATUHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN (PENYELENGGARAAN)	59
HARI KESIHATAN MBSA	62
SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN EDISI FEBRUARI	65
FESTIVAL BUSKERS 2020	68
LAWATAN TIMBALAN DATUK BANDAR KE GARAJ BELIA, SEKSYEN 16	71
INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA 2020	74
SESI TAKLIMAT DAN DIALOG BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI (ADUN) SUNGAI KANDIS	77
SESI TEMUBUAL TV3 BERSAMA TIMBALAN DATUK BANDAR	79
WANITA HARIINI BERSAMA JABATAN LANDSKAP	82
OPERASI BERSEPADU TASKA DI SEKITAR SETIA ALAM	85
OPERASI TANJAKAN DI SEKSYEN 7	88
OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR BINAAN TANPA KEBENARAN	91
PESTA PONGGAL ANJURAN BADAN AMAL KAUM INDIA MBSA	94
PROGRAM PENANAMAN POKOK "TANAM TREE 2020"	97




—JAN

BENGKEL ‘FOCUS GROUP DISCUSSION’ (FGD)

7 Januari 2020







Bengkel 'Focus Group Discussion' (Fgd)

MBSA telah menganjurkan Bengkel 'Focus Group Of Discussion' (FGD) Bagi Penyediaan Kerangka Program 'Sustainable Development Of Goals' (SDGs) Shah Alam bagi menunjukkan komitmen terhadap pelaksanaan konsep New Urban Agenda (NUA) dan SDGs yang mensasarkan Shah Alam sebagai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon menjelang tahun 2030.



MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN SLOGAN ULANG TAHUN KE-20 SHAH ALAM SEBAGAI BANDAR RAYA

18 Januari 2020







MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN SLOGAN ULANG TAHUN KE-20 SHAH ALAM SEBAGAI BANDAR RAYA

Majlis Pelancaran Logo dan Slogan Ulang Tahun Ke-20 Shah Alam Sebagai Bandar Raya yang diadakan di Stadium Shah Alam telah disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Selangor. Logo 20 tahun tersebut melambangkan Shah Alam sebagai sebuah bandar raya yang dinamis dan cekap dengan kepelbagaian melibatkan aspek pencapaian, pemodenan, kelestarian dan bersih.



BENGKEL PENGURUSAN ADUAN AWAM MBSA

9 Januari 2020







BENGKEL PENGURUSAN ADUAN AWAM MBSA

Dalam usaha mempertingkatkan lagi sistem penyampaian khususnya dari segi pengurusan aduan, satu Bengkel Pengurusan Aduan Awam telah diadakan pada 9 Januari 2020 di Pejabat Cawangan Setia Alam, Seksyen U13. Fokus utama pelaksanaan bengkel aduan ini adalah untuk memantapkan lagi pengurusan aduan awam serta meningkatkan imej MBSA di mata masyarakat. Peserta bengkel terdiri daripada kakitangan dari pelbagai Jabatan, Bahagian dan Pejabat Cawangan MBSA.



PROGRAM BICARA SANTAI

20 Januari 2020








PROGRAM BICARA SANTAI

Program ini diadakan bagi mendapatkan input dan cadangan daripada Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri (ADUN) di kawasan pentadbiran MBSA dalam usaha mempertingkatkan lagi perkhidmatan dan kemudahan untuk kepentingan masyarakat di Shah Alam.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MBSA

14 Januari 2020







MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MBSA

Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA yang diadakan pada bulan Januari dihoskan oleh Jabatan Kejuruteraan. Selain daripada amanat yang disampaikan oleh Datuk Bandar Shah Alam, turut diadakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Reka Logo dan Slogan Ulang Tahun Ke-20 Shah Alam Sebagai Bandar Raya.



LAWATAN TURUN PADANG AHLI PARLIMEN SHAH ALAM

24 Januari 2020







LAWATAN TURUN PADANG AHLI PARLIMEN SHAH ALAM

YB Tuan Khalid bin Abdul Samad, Ahli Parlimen Shah Alam mengadakan lawatan turun padang ke kawasan pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (LRT3) di Seksyen 7, Shah Alam. Turut serta dalam lawatan tapak ini adalah YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, para pegawai MBSA dan wakil dari pelbagai agensi.



LAWATAN TURUN PADANG KE BULATAN BESTARI, SEKSYEN 2

6 Januari 2020







LAWATAN TURUN PADANG KE BULATAN BESTARI, SEKSYEN 2

YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Kota Anggerik bersama Datuk Bandar Shah Alam telah mengadakan lawatan turun padang bagi memantau kerja-kerja menaiktaraf Bulatan Bestari di Seksyen 2, Shah Alam. Bulatan Bestari merupakan antara laluan yang mempunyai aliran kenderaan yang tinggi dan perlu dinaiktaraf untuk kesejahteraan pengguna jalan raya.



MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

29 Januari 2020





MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut sama hadir dalam mesyuarat ini adalah barisan EXCO Negeri Selangor, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia@Selangor) serta wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.



LAWATAN KERJA DARI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

22 Januari 2020







LAWATAN KERJA DARI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

Pada 22 Januari 2020, Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah mengadakan lawatan kerja ke Wisma MBSA. Lawatan ini diketuai oleh Tuan Haji Kamalludin bin Haji Jamal, Yang Di Pertua MPBP dan delegasi dari MPBP telah diberikan taklimat berkenaan “Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) di MBSA”.



LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR MEMANTAU KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD

3 Januari 2020





LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR MEMANTAU KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD

Mulai 1 Januari 2020, kerja-kerja kutipan sampah domestik di kawasan pentadbiran MBSA diuruskan oleh pihak KDEB Waste Management Sdn. Bhd. Datuk Bandar Shah Alam dan para pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBSA telah mengadakan lawatan turun padang ke kawasan Seksyen 7 dan 8 bagi memantau kerja-kerja kutipan sisa domestik di kawasan tersebut.



LAWATAN DARI MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

16 Januari 2020



■ FRAGMEN MBSA 2020

LAWATAN DARI MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Pihak MBSA telah menerima kunjungan daripada Ketua Bahagian Audit Dalam Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) serta Ahli-Ahli Majlis MDHS bagi membincangkan tentang pengurusan Jawatankuasa Audit Korporat di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.



SESI TEMUBUAL RTM BERSAMA DATUK BANDAR SHAH ALAM

7 Januari 2020





SESI TEMUBUAL RTM BERSAMA DATUK BANDAR SHAH ALAM

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam telah ditemuramah oleh Siti Farah Nadia, wartawan dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) berkenaan Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan yang dianjurkan oleh pihak MBSA. Sesi temubual telah diadakan di Tingkat 3, Bangunan Wisma MBSA.



LAWATAN TAPAK KE TAMAN PERSAHABATAN SELANGOR-JEPUN

17 Januari 2020





LAWATAN TAPAK KE TAMAN PERSAHABATAN SELANGOR-JEPUN

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam mengadakan lawatan tapak ke Taman Persahabatan Selangor-Jepun yang terletak bersebelahan Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Pembinaan Taman Persahabatan Selangor-Jepun ini adalah sebagai salah satu destinasi dan mercu tanda pelancongan baharu di Shah Alam.



PROGRAM KULIAH MAGHRIB

23 Januari 2020







PROGRAM KULIAH MAGHRIB


Program Kuliah Maghrib diadakan di Kediaman Rasmi Datuk Bandar Shah Alam yang dihoskan oleh Jabatan dan Bahagian yang berbeza pada setiap bulan. Antara pengisian program adalah Solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah serta ceramah dari penceramah jemputan.



OPERASI KENDERAAN BERAT

15&21 Januari 2020







OPERASI TANJAKAN

22&30 Januari 2020







OPERASI TANJAKAN

Operasi Tanjakan diadakan untuk mengesan dan menangani masalah pemilik premis perniagaan yang menyalahgunakan tempat letak kereta untuk tujuan perniagaan tanpa kebenaran pihak MBSA. Melalui operasi ini, pihak MBSA dapat menangani isu kekurangan tempat letak kereta.



FEB

MAJLIS SERAHAN BENDERA KEPADA DELEGASI MBSA KE WUF10 ABU DHABI 2020

4 Februari 2020







MAJLIS SERAHAN BENDERA KEPADA DELEGASI MBSA KE WUF10 ABU DHABI 2020

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam telah menyerahkan bendera Malaysia dan bendera MBSA kepada delegasi MBSA yang akan menghadiri menghadiri *The Tenth Session Of The World Urban Forum (WUF10)* di Pusat Pameran Antarabangsa Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. YBhg. Datuk Bandar turut memberikan semangat dan kata-kata perangsang kepada delegasi yang bakal menghadiri persidangan bertaraf antarabangsa ini.



WUF10 ABU DHABI 2020

9 Februari 2020








WUF10 ABU DHABI 2020

MBSA telah melancarkan Laporan Sustainable Development of Goals (SDGs) sempena The Tenth Session Of The World Urban Forum (WUF10) di Pusat Pameran Antarabangsa Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu pada 9 Februari 2020. Majlis pelancaran laporan tersebut telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Pihak MBSA turut diberi peluang untuk membentangkan empat kertas kerja yang bertajuk Bangunan Cekap Tenaga, Tindakan SDGs, termasuk Usaha Pihak Tempatan di Malaysia ke arah mengadaptasikan SDGs dan New Urban Agenda (NUA) serta Suara/Pandangan Bandar.

LAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE MBSA

17 Februari 2020







LAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE MBSA

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia telah mengadakan lawatan ke MBSA untuk mendapatkan maklumat berkenaan isu-isu berkaitan dengan pentadbiran MBSA dan juga untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara MBSA dan pihak KPKT. YBhg. Datuk Bandar Shah Alam turut menyampaikan taklimat berkenaan pembangunan di kawasan MBSA.



AUDIT PEMATUHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN (PENYELENGGARAAN)

28 Februari 2020



BILIK LATIHAN CATTLEYA







AUDIT PEMATUHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN (PENYELENGGARAAN)

Audit Pematuhan Pengurusan Perbelanjaan (Penyelenggaraan) dilaksanakan bagi menentukan sama ada pengurusan perbelanjaan (penyelenggaraan) di MBSA dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan yang disediakan serta dikuatkuasakan pada setiap masa.



■ FRAGMEN MBSA 2020

HARI KESIHATAN MBSA

21 Februari 2020








HARI KESIHATAN MBSA

Hari Kesihatan MBSA telah diadakan di Padang Wisma MBSA. Pelbagai aktiviti sihat telah diadakan antaranya senamrobik, zumba, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan serta acara penyampaian Sijil Sifar Lewat dan Sifar Cuti Sakit kepada kakitangan MBSA.



SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN EDISI FEBRUARI

9 Februari 2020







SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN EDISI FEBRUARI

Program Shah Alam Hari Tanpa Kendaraan edisi Februari bertemakan sambutan Tahun Baru Cina dan pelbagai acara telah diadakan termasuk sajian buah-buahan tempatan, persembahan Tarian Naga, 'Education Fun Run' dan pelbagai lagi. Program turut dihadiri oleh YB Tuan Ir. Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor.



■ FRAGMEN MBSA 2020

FESTIVAL BUSKERS 2020

22&23 Februari 2020







FESTIVAL BUSKERS 2020

Program Festival Buskers 2020 ini diadakan bagi mengiktiraf bakat-bakat muda dalam bidang seni dan juga menghimpunkan penggiat seni muzik jalanan. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya 'Battle of Acoustic Shah Alam', Persembahan Artis Jemputan/Kombo MBSA, Diskusi "Perjalanan Hidup Seorang Buskers", Kelas Vokal dan Bengkel Seni Persembahan Pentas. Majlis turut dihadiri Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam.



LAWATAN TIMBALAN DATUK BANDAR KE GARAJ BELIA, SEKSYEN 16

26 Februari 2020





LAWATAN TIMBALAN DATUK BANDAR KE GARAJ BELIA, SEKSYEN 16

Pengurusan tertinggi yang terdiri daripada Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Puan Asmah binti Mohd Zin, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) dan beberapa orang pegawai MBSA berkesempatan menyantuni anak-anak muda di Pangaspuri Ken Rimba, Seksyen 16, Shah Alam. Program Garaj Belia MBSA merupakan projek komuniti dan tanggungjawab sosial MBSA yang turut dijayakan bersama Adab Youth Garage (AYG).



■ FRAGMEN MBSA 2020

INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA 2020

25 Februari 2020







INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA 2020

Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan program pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap secara komprehensif ke arah mencapai Wawasan Negara Taman Terindah. Melalui program ini, pihak MBSA telah mendapat tempat kedua dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan.



SESI TAKLIMAT DAN DIALOG BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI (ADUN) SUNGAI KANDIS

25 Februari 2020





SESI TAKLIMAT DAN DIALOG BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI (ADUN) SUNGAI KANDIS

Sesi dialog ini diadakan untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit dengan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (Parcel 4) di persimpangan bertonjat Kampung Sungai Kandis Seksyen 36, Shah Alam. Sesi dialog ini turut dihadiri oleh YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Sungai Kandis.



SESI TEMUBUAL TV3 BERSAMA TIMBALAN DATUK BANDAR

10 Februari 2020







SESI TEMUBUAL TV3 BERSAMA TIMBALAN DATUK BANDAR

Sofea Nur Solehha, wartawan TV3 dari Program 999 telah hadir ke MBSA bagi menemuramah Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar berkenaan isu yang tular berkaitan seorang wanita yang bertindak agresif ketika kereta miliknya ditarik penguatkuasa dalam kejadian yang berlaku di Bandar Baru Sungai Buloh, Seksyen U20.



■ FRAGMEN MBSA 2020

WANITA HARI INI BERSAMA JABATAN LANDSKAP

8 Februari 2020





■ FRAGMEN MBSA 2020



WANITA HARI INI BERSAMA JABATAN LANDSKAP

Wakil dari Jabatan Landskap MBSA iaitu Puan Majidah binti Md Ali, Pegawai Pertanian telah dijemput ke program Wanita Hari Ini (WHI) TV3 untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang penjagaan bunga Anggerik. Pihak MBSA turut menaja pelbagai jenis spesies bunga Anggerik sebagai dekorasi set Wanita Hari Ini di studio pada sesi tersebut.



OPERASI BERSEPADU TASKA DI SEKITAR SETIA ALAM

24 Februari 2020







OPERASI BERSEPADU TASKA DI SEKITAR SETIA ALAM

Operasi bersepadu ini diadakan untuk memastikan pengusaha tadika/taska dan pusat jagaan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MBSA di samping memberikan khidmat nasihat dan penjelasan berhubung syarat-syarat Majlis dan agensi yang berkaitan. Operasi turut disertai agensi luar seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



OPERASI TANJAKAN DI SEKSYEN 7

27 Februari 2020







OPERASI TANJAKAN DI SEKSYEN 7


Penggunaan tempat letak kereta tanpa kebenaran untuk tujuan perniagaan merupakan satu kesalahan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133). Tindakan tegas termasuk memecahkan tanjakan dan kompaun akan dikenakan kepada pemilik premis yang ingkar dan membina tanjakan haram di hadapan premis mereka.



OPERASI PEROBOSHAN STRUKTUR BINAAN TANPA KEBENARAN

18 Februari 2020








OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR BINAAN TANPA KEBENARAN

Operasi Perobohan Struktur Binaan Tanpa Kebenaran di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam ini turut melibatkan kakitangan MBSA dari pelbagai Jabatan serta agensi-agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Anggota Polis dari Balai Kampung Baru Subang, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor.



PESTA PONGGAL ANJURAN BADAN AMAL KAUM INDIA MBSA

16 Februari 2020







PESTA PONGGAL ANJURAN BADAN AMAL KAUM INDIA MBSA

Badan Amal Kaum India (BAKI) MBSA dengan kerjasama Persatuan Keamanan Sejagat Malaysia (cawangan Shah Alam) serta Ahli-Ahli Majlis MBSA yang beragama Hindu meraikan perayaan Ponggal Tahun 2020 di Kuil Seksyen 25, Shah Alam.



PROGRAM PENANAMAN POKOK "TANAM TREE 2020"

2 Februari 2020





PROGRAM PENANAMAN POKOK "TANAM TREE 2020"

Program ini merupakan program anjuran Team Selangor bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 3 serta Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 dan Youth Care. Program penanaman pokok ini telah diadakan di sekitar Pangaspuri Seksyen 7 dan perkarangan Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Shah Alam. Turut hadir dalam program ini adalah Encik Danial Al-Rashid bin Haron Aminar Rashid, Ahli Majlis MPP Zon 3.





MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
Tingkat G, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7200,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel : 03-5510 5133 **Faks :** 03-5510 8010 **Hotline :** 03-5510 5811 **Talian Aduan Bebas Tol :** 1800 88 4477

korporat@mbsa.gov.my
www.facebook.com/shahalamcitycouncil
www.twitter.com/sacitycouncil
www.mbsa.gov.my